



اَوْبُوْ سَيِّدِيْ تَيْكُونُو لَوْ كِيْ مَابَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN PENYELIDIK MUDA BERBAKAT (YTRG) (Pindaan 2021)

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
**Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan
dan Inovasi (TNCPi)**
Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8259
Faks : (+603) 5544 8280



اَوْبُوْ سَيِّدِيْ تَيْكُونُو لَوْ كِيْ مَابَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan Penyelidik Muda Berbakat (YTRG)	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	5
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	5
4.0 Peraturan Kewangan	6
5.0 Peraturan Permohonan	7
6.0 Penilaian Geran	7
7.0 Pemantauan Penyelidikan	7
8.0 Keberhasilan Penyelidikan	8

FALSAFAH, VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN PENYELIDIKAN PENYELIDIK MUDA BERBAKAT (*Young Talent Researcher Grant – YTRG*)

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Penyelidikan Penyelidik Muda Berbakat (YTRG) UiTM diwujudkan bertujuan mendorong penyelidik muda yang berkecukupan Ijazah Kedoktoran dan berumur 40 tahun ke bawah untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dan menghasilkan hasil penyelidikan berkualiti tinggi sebagai salah satu inisiatif bagi memperkasakan dan melonjakkan prestasi penyelidikan universiti. Pemohon bagi geran ini mestilah dicalonkan oleh Dekan Fakulti/Ketua PTJ.
- 1.2 Geran YTRG ini merupakan salah satu strategi yang diusahakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI) bagi mempersiapkan siagakan dan menginspirasi saintis dan penyelidik terunggul selaras dengan hasrat KPT melalui inisiatif LRGS-JSU (full kan).
- 1.3 Geran ini dikhaskan kepada penyelidik muda yang terpilih (berumur 40 tahun dan ke bawah) bergantung kepada peruntukan yang sedia ada.
- 1.4 Selain daripada menghasilkan pencapaian penyelidikan yang telah ditetapkan, penerima geran ini akan diminta untuk terlibat sama dalam sebarang bentuk aktiviti yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Pemilihan Penyelidik Muda Berbakat.
- 1.5 Geran ini dianugerahkan kepada penyelidik muda yang mempunyai sekurang-kurangnya **8 H-indeks (Scopus) untuk S&T dan 5 H-indeks (Scopus) untuk SS**. Pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya **satu geran penyelidikan sebagai Ketua Penyelidik**. Penyelidik juga perlu mengenal pasti dan menyertakan di dalam permohonan seorang **Penyelidik Mentee** yang **berumur 35 tahun dan ke bawah** sebagai ahli projek bagi pelaksanaan Program Pementoran. Keutamaan akan diberikan kepada permohonan yang melibatkan jaringan bersama mana-mana universiti antarabangsa di kalangan *QS Top 100 Universities* dan sebagai **Penyelidik Penghubung (Liaison Researcher)** bagi permohonan geran antarabangsa dan pengarang bersama untuk penerbitan jurnal berimpak tinggi.
- 1.6 Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Pejabat Neksus Penyelidikan UiTM (ReNeU), Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menguruskan Geran Penyelidikan Penyelidik Muda Berbakat ini.

- 1.7** Setiap permohonan yang dicadangkan perlulah memenuhi salah satu domain penyelidikan seperti berikut:-
- (a) Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*);
 - (b) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*);
 - (c) Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*);
 - (d) Sains Sosial (*Social Sciences*);
 - (e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*);
 - (f) Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*);
 - (g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*).

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:

Geran Penyelidik Muda Berbakat (YTRG)	
1) Bidang Sains & Teknologi :	Tidak melebihi RM 50,000 bagi tempoh dua tahun.
2) Bidang Sains Sosial :	Tidak melebihi RM 30,000 bagi tempoh dua tahun.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut :

- 3.1** Pemohon bagi geran ini mestilah dicalonkan oleh Dekan Fakulti/Ketua PTJ bagi melayakkan untuk memohon geran ini.
- 3.2** Ketua Penyelidik mestilah merupakan kakitangan akademik warganegara Malaysia bertaraf tetap / kontrak di UiTM.
- 3.3** Pemohon mestilah berumur 40 dan ke bawah semasa permohonan dihantar dan berkelayakan Ijazah Kedoktoran (DM51 atau setara).
- 3.4** Setiap projek mesti mempunyai penyelidik bersama maksimum seramai **enam (6)** orang termasuk Ketua Penyelidik dan Penyelidik Mentee. Permohonan mestilah mempunyai keahlian yang seimbang dari segi gred jawatan.
- 3.5** Staf akademik yang bercuti sabbatical, sangkutan industri dan pasca kedoktoran (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi boleh menjadi penyelidik bersama kepada projek tersebut.
- 3.6** Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama mestilah menyumbang minimum RM20.00 sebulan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.

- 3.7 Staf baru yang menjadi Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Perbelanjaan projek adalah dibenarkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM1,000.00 untuk sebulan.
- 4.3 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.4 Permohonan pembantu penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 4.5 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya); adalah tidak dibenarkan.
- 4.6 Perjalanan ke luar negara hanya dibenarkan bagi Ketua Penyelidik sahaja bagi tujuan penyelidikan di universiti antarabangsa kolaborasi sahaja dan perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPi dan Pejabat Naib Canselor tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon serta mengikut peraturan UiTM.
- 4.7 Hanya Ketua Penyelidik sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan penyelidikan di universiti antarabangsa kolaborasi sahaja.
 - Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

Permohonan geran perlu menggunakan borang pencalonan yang boleh diperolehi di laman sesawang TNCPI (<https://tncpi.uitm.edu.my/>) dan dilampirkan bersama permohonan kertas cadangan di dalam sistem atas talian iaitu iPRO2u (<https://ipro2u.uitm.edu.my/>).

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1** Permohonan Geran Penyelidikan Penyelidik Muda Berbakat akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPI.
- 6.2** Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dijemput untuk sesi pembentangan kepada panel penilai.
- 6.3** Kertas cadangan yang terpilih akan diluluskan oleh Mesyuarat Panel Penilaian Kertas Cadangan dan segala keputusan adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.
- 6.4** Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPI kepada Ketua Penyelidik dan salinan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 6.5** Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 7.1** Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 7.2** Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian (iRMI).
- 7.3** Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 7.4** Kumpulan Penyelidik perlu mengikut perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang dijanjikan semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.
- 7.5** Kegagalan memenuhi perkara 7.2 hingga 7.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.6** Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas talian melalui sistem iRMI sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama

permohonan. Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian dengan keperluan justifikasi yang kukuh.

- 7.7 Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 7.8 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 7.9 Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017.

8.0 **KEBERHASILAN PENYELIDIKAN**

- 8.1 Penyelidik mesti menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) jurnal berindeks **Q1/Q2** *Web of Science* (WoS) atau **Q1/Q2** SCOPUS dengan penyelidik dari 100 Universiti Terkemuka Luar Negara (*Top 100 International Universities*) sebagai penulis bersama.
- 8.2 Penghargaan kepada Geran Penyelidikan Penyelidik Muda Berbakat (YTR) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.